

GEMPAK

WWW.GEMPAK.COM

SPECIAL EDITION

9 PESOHOR 'MENYALA' 2025



GEMPAK
WRAPPED 2025

PESOHOR SENI, PEMPENGARUH PALING MENYERLAH SEPANJANG TAHUN 2025!



Tahun 2025 berlalu dengan beragam perihal; suka duka, manis pahit yang menjadi kenangan tidak akan terlupakan. Di celah-celah momen yang dilalui, banyak juga sejarah tercipta. Begitu juga dalam perjalanan panjang para pesohor seni baik penyanyi, pelakon, selebriti sehingga pempengaruh.

Sempena edisi khas penutup tahun 2025, Gempak Weekly Edition memilih 9 pesohor seni dan pempengaruh yang memberi kesan dan impak positif buat kita semua. Siapa mereka? - MALIAH SURIP

Mimi Fly

Mimi Fly memang tidak dinobatkan sebagai paling popular atau yang terbaik namun kerja keras dan hala tuju jelas dalam setiap karya yang dilahirkan sepanjang tahun ini layak membuatkan wanita berusia 39 tahun ini duduk di tangga pertama pilihan 10 Pesohor Pilihan Gempak Weekly Edition 2025.

Menutup manis karier dengan membuat persembahan di Sukan Sea di Thailand, melahirkan Serumpun sehingga Temberang, kreativiti Mimi Fly tumpah dalam setiap kecintaannya sehingga kelahiran video muzik. Koreografi tariannya menjadi trend dan lirik ringkas penuh pesanan juga menjadikan Mimi Fly digemari. Meski terselit hal negatif, Mimi Fly positif untuk terus terbang tinggi.

Khairul Aming

Hanya dengan satu pengumuman - Khairul Aming akan membuka restoran pertama Rembayang, media massa terutama platform

media sosial 'sesak' dengan perbincangan dan buah pandangan tentang pempengaruh nombor satu Malaysia ini.

Bukan hanya pada tahun ini, kecemerlangan yang ditoreh Khairul Aming dituai hasil kebijaksanaan dan perkongsian positif konten miliknya yang hanya bermula dengan perkongsian resipi makanan sehingga kini menjadi idola rakyat di atas semua prestasi beliau yang mengagumkan. Khairul Aming, 33, menjadi bukti populariti dan kepercayaan akan ikut bersama kebijaksanaan. Education must win!

Datuk Seri Siti Nurhaliza

Mana boleh kita melupakan biduanita negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dalam setiap 'anugerah' meski tidak diiktiraf. Masuk 30 tahun menjadi anak seni, kerjaya Siti tidak pernah meredup sebaliknya saban tahun banyak pencapaian yang dilakar wanita luar biasa ini.

Di tahun ini sahaja, tiga buah konsert berjaya dilakukan termasuk dua malam penuh gemilang iaitu Violet Skies. Beliau juga dilantik sebagai Profesor Adjung di Universiti Teknologi MARA (UiTM) sehingga tahun 2027 serta melahirkan album Gema Bumantara yang mengangkat dan memelihara warisan muzik Melayu.

KRU

Trio adik-beradik KRU adalah perlambangan terbaik betapa kualiti yang pernah ditinggalkan akan dituai sukses apabila tiba masanya. Sebagai bukti, idea genius dari Iman Tang Entertainment telah 'game changers' terhadap penganjuran konsert tempatan apabila KRU melakukan empat siri konsert dalam tahun yang sama!

GenKRU menerima dua pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBR) untuk jualan tiket terpantas (8,000 tiket dalam sejam) dan penganjuran konsert di Axiata Arena selama empat malam termasuk GenKRU the Finale: One More Time adalah kejayaan terhebat terhadap pengaruh dan fenomena yang dicetuskan mereka.

Erra Fazira

Pernikahan Erra Fazira dengan Ezwan Zain diberi jolokan Wedding of The Year bukan kerana kemewahan tetapi bagaimana keseluruhan perjalanan termasuk cinta yang berputik, status duda-janda, kebersatuan keluarga terutama anak masing-masing dan betapa indahnya usahawan tersebut menyantuni primadona filem melayu alaf baharu itu menyentuh hati.

Malah peminat menyifatkan Erra sebagai 'wanita mahal' kerana kewarasan dan sikap bijak menyimpan duka hidup terutama apabila sudah beberapa kali kandas dalam perkahwinan.

Papa Zola The Movie

Filem animasi Papa Zola The Movie mencetak sejarah apabila berada di tangga teratas carta Top 10 GSC sejak 11 hari ditayangkan. Filem arahan Nizam Razak ini juga meninggalkan jauh filem antarabangsa Avatar: Fire And Ash, Zootopia 2 dan Five Nights At Freddy's 2 di pawagam sama.

Lebih membangga sehingga artikel ini ditulis, Papa Zola The Movie telah meraih kutipan sebanyak RM26.6 juta sekaligus menutup tahun 2025 dengan bergaya. Kebenaran memang mantap!

Ahmar Ahyan

Lebih dikenali sebagai Amayan, anak lelaki usahawan Dato Alif Syukri, Ahmar Ahyan membina pengaruh dengan banyak sikap positif dan santun yang ditampilkan dalam kehidupan sehariannya di media sosial. Sikap 'lurus', bijak menjawab dan cara melariskan barangan yang dijual tanpa mencipta kontroversi juga membuat hati rakyat Malaysia terpaut dengan Amayan. Amayan secara tidak langsung telah menjadi pempengaruh paling popular sepanjang tahun ini.

Sweet Qismina

Sweet Qismina menepati ciri seorang anak seni yang tidak hidup dengan glamor tetapi kredibiliti dalam setiap kerja yang dilakukan pasti berbuah manis. Hanya dengan sebuah filem, Babah, Sweet Qismina yang sudah dua dekad bergelumbang dalam dunia lakonan diiktiraf menerusi dua anugerah pada tahun ini. Isteri pelakon Adam Lee ini diiktiraf sebagai Pelakon Wanita Terbaik di Festival Filem Malaysia ke-34 (FFM34) 2025 dan Pelakon Pembantu Wanita Terbaik di Festival Filem dan Anugerah Antarabangsa ASEAN (AIFFA) 2025 untuk watak Maya.

Cik Epal

Suka atau tidak, pempengaruh Cik Epal telah melakar kejayaan dan impak positif tersendiri sepanjang tahun ini. Di sebalik perseteruan panjang dengan mantan suami, Cik Epal memanfaatkan 'tagline mendonia' dengan bekerjasama bersama jenama-jenama terkemuka tanah air.

Selain kontrak dengan Jakel diperpanjang, Cik Epal juga kini menjadi wajah tudung Ariani bersama pengurusnya, Ammar sempena kempen raya tahun hadapan. Dia juga memenangi beberapa anugerah terkait pencapaiannya sebagai pempengaruh dan usahawan.



Saat Bahagia Di Uji Sehingga Kehilangan Yang Meruntun Hati, Ini Antara Khabar Duka Yang Kita Dengar Sepanjang Tahun Ini

GEMPAK
WRAPPED 2025



Pejam celik, pejam celik, 2025 bakal melabuhkan tirainya dan macam-macam perkara yang terjadi sepanjang tahun ini.

Sebelum tamatnya tahun 2025, kita imbas kembali khabar duka yang kita dengar sepanjang tahun ini melibatkan perpisahan pasangan selebriti dan perginya insan-insan yang tersayang.

Kita mulakan perkongsian khabar duka dengan berita perpisahan selebriti pada tahun ini.

Farid Kamil & Diana Danielle

Kemelut rumah tangga pasangan pelakon Farid Kamil dan Diana Danielle sekali lagi berakhir dengan perceraian pada 24 Mac lalu.

Proses perceraian mereka dapat diselesaikan secara baik tanpa ada persengkataan lagi.

Farid atau nama sebenarnya Farid Kamil Zahari, 43, telah melafazkan talak terhadap Diana Danielle di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Along Cham & Afreena Suhaimi

Pelawak dan pelakon, Along Cham sah bercerai talak satu dengan isteri, Afreena Suhaimi di Mahkamah Rendah Syariah Sepang pada 30 September.

Keputusan itu dibuat selepas Hakim, Muhamad Nazri Basrawi mengesahkan telah berlaku lafaz talak dalam perkahwinan pasangan itu pada Jun 2024.

Muhammad Nazri kemudian mengarahkan Afreena menjalani tempoh idah selama tiga kali suci, selain berpesan kepada kedua-dua pihak agar mengambil iktibar daripada apa yang berlaku.

Nubhan & Dr. Fie

Mahkamah Rendah Syariah Sepang mengesahkan penyanyi, Nubhan telah bercerai dengan isterinya, Dr. Afifah Hidayah Ahmad Tawfek buat kali kedua.

Peguam yang mewakili Nubhan iaitu Mohd Ridzuan Ramli berkata lafaz cerai pertama dilakukan pada 19 Januari 2017 dan rujuk pula pada 21 Januari 2017 manakala lafaz cerai kedua berlaku pada 26 Ogos lalu.

Sementara itu, tahun ini juga kita kehilangan anak-anak seni dan juga khabar kehilangan ahli keluarga tersayang yang mendapat tumpuan netizen.

Anak Bongsu Zaquan Adha, Ayu Raudhah Meninggal Dunia

Bekas pemain bola sepak kebangsaan, Zaquan Adha memaklumkan anak bongsunya, Muhammad Aisy Al Rees meninggal dunia.

Berita sedih itu disampaikan Zaquan menerusi hantaran terbaharu di akaun Insta Story miliknya pada 11 Februari 2025 (Selasa)

Bagaimanapun, punca pemergian anak bongsunya itu tidak didedahkan oleh Zaquan.

Isteri Ridzuan Ridzokumura Meninggal Dunia

Isteri kepada usahawan dan pempengaruh media sosial Ridzuan Ridzokumura iaitu Akiko Okumura dilaporkan telah meninggal dunia pada 28 Februari.

Berita duka itu dikongsi oleh Ridzuan atau Abd Ridzuan Abdul Mutalib, 50, di Instagram (IG).

Amirul AF4 Meninggal Dunia, Isteri Kini Sedang Hamil

Amirul Azwan Mohd Ghazali, bekas pelajar Akademi Fantasia musim keempat, dilaporkan meninggal dunia pada Isnin di Kuching, Sarawak.

Berita pemergian itu disahkan oleh pengacara Datuk Aznil Hj Nawawi dan rakan seperjuangan Allahyarham, Dr Syamsul Hirdy Muhid.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri yang sedang hamil trimester ketiga dan mereka berkahwin pada tahun 2023.

Dharma Harun Meninggal Dunia Sendirian Di Rumah

Pelakon Dharma Harun Al Rashid dilaporkan meninggal dunia sendirian pada pukul 9.10 malam di kediamannya.

Anak lelakinya, Syafiq Dharma, berkongsi berita duka tersebut di Instagram dan memaklumkan jenazah akan diuruskan di Masjid Abu Ubaidah, Kuala Lumpur.

Arwah yang berusia 69 tahun terkenal dengan filem era 1980-an seperti Adik Manja dan Sikit Punya Gila, dan tinggal bersama anak-anaknya yang masih belajar di ASWARA.





Mahligai Cinta & Cahaya Mata! Erra Fazira, Fattah Amin & Sabronzo Antara Selebriti Kecap Bahagia Tahun Ini

Beberapa hari sahaja lagi, tahun 2025 bakal melabuhkan tirai dan sepanjang tahun ini, berlaku pelbagai perkara yang telah mewarnai industri hiburan.

Dari berita mengejutkan hingga majlis yang dinanti-nantikan, tahun 2025 menjadi saksi kepada detik indah apabila ramai selebriti popular memilih untuk menyatukan cinta mereka hingga ke jenjang pelamin.

Beberapa kisah pasangan yang 'tiba-tiba' berkahwin juga menjadi bualan ramai.

Jom imbas semula pasangan selebriti yang memilih jalan bahagia sepanjang tahun ini.

1. Syafiq Kyle & Mimi Lana

Selepas sekian lama menjalin cinta, Syafiq Kyle dan Mimi Lana akhirnya sah menjadi pasangan suami isteri pada 14 Februari yang lalu.

Syafiq dan Mimi memilih untuk mengadakan majlis pernikahan secara 'intimate' di kediaman pengantin perempuan yang terletak di Taiping, Perak.

Mereka kemudiannya mengadakan majlis persandingan yang turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran rakan artis. Lebih nostalgia, Syafiq dan Mimi telah menetapkan syarat kepada tetamu yang hadir agar tidak bermain telefon sepanjang majlis itu berlangsung.

2. Fattah Amin & Amira Othman

Dari rakan sekerja ke rakan serumah, pelakon, Fattah Amin dan penyanyi, Amira Othman sah bergelar suami isteri pada 14 September lalu.

Lebih manis, pasangan itu dinikahkan oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dengan disaksikan bapa pengantin perempuan.

Ketika majlis berlangsung, pengantin lelaki menerima lima dulang hantaran berbalas tujuh daripada pihak pengantin perempuan sementara Amira menerima mas kahwin seutas gelang tangan emas.

Pasangan ini kemudiannya mengadakan beberapa resepsi bagi meraikan perkahwinan mereka bersama keluarga, sahabat, pengamal media dan juga peminat.

3. Sabronzo & Ryan Fie'ret

Perkahwinan ahli kumpulan Dolla, Sabronzo merupakan perkahwinan yang paling tidak diduga rata-rata peminat.

Sabronzo mengejutkan dunia hiburan selepas tularnya gambar majlis resepsinya bersama Ryan yang hanya dihadiri ahli keluarga terdekat dan rakan rapat di sebuah pulau terletak di Bali.

Sabronzo yang ditemui media beberapa minggu selepas itu menjelaskan bahawa pemilihan Bali sebagai tempat resepsi adalah kerana mereka sangat menyukai suasana pulau itu yang begitu privasi.

4. Erra Fazira & Mr. E

Tanggal 12 Disember dipilih sebagai tarikh keramat bagi perkahwinan primadona filem alaf baharu Malaysia, Erra Fazira bersama jejaka pilihannya, Ezwan Zain atau lebih mesra disapa Mr. E.

Perkahwinan ini disebut-sebut sebagai 'Wedding of the year' selepas bintang filem Sembilu dan hos Borak SeeNi itu menerima sepokok bunga emas seberat 102 gram sebagai mas kahwin.

Erra juga menerima sebarang cincin jenama Cartier bernilai RM80,000 pada sesi pembatalan air sembahyang dengan hantaran termasuk sepersalinan emas yang disatukan dalam satu talam yang ditandu.

Untuk rekod, ini merupakan perkahwinan ketiga buat Erra Fazira.

Sementara itu, tahun 2025 ini juga merupakan tahun bermakna buat beberapa selebriti apabila mereka dikurniakan cahaya mata.

1. Rizky Febian & Mahalini

Pasangan penyanyi popular Indonesia, Rizky Febian dan Mahalini selamat menimang cahaya mata pertama mereka pada 16 Februari lalu.

Mendirikan rumah tangga pada Mei tahun lalu, Rizky dan Mahalini berkongsi bahawa mereka telah memilih Zairee Selina Quinlyn Kareema Febian sebagai nama bagi cahaya mata pertama mereka itu.

2. Afifah Nasir & Syed Hariz

Pelakon, Afifah Nasir berkongsi khabar gembira apabila selamat melahirkan bayi lelaki pada 22 September lalu.

Menerusi perkongsian di Instagram (IG), Afifah meluahkan rasa syukur kerana proses bersalinnya berjalan dengan lancar.

Afifah yang turut memuat naik foto foto suaminya yang sedang mencium dahi dan wajah anak memilih untuk menamakan anak mereka sebagai Syed Armand Mateen.

3. Najwa Latif & Akwa

Penyanyi dan pensyarah muda, Najwa Latif, selamat melahirkan cahaya mata pertama pada 11 November lalu.

Tarikh itu merupakan tarikh yang cukup bermakna buat mereka kerana ia merupakan ulang tahun perkahwinan ketiga mereka.

4. Noh Salleh & Fatin Athira

Penyanyi Noh Salleh berkongsi berita gembira apabila isterinya, Fatin Athira Mustapa telah selamat melahirkan bayi perempuan pada 21 November lalu.

Bayi perempuan mereka diberi nama Tara Svava, sekali gus menandakan permulaan fasa baharu buat pasangan ini sebagai ibu dan bapa.

Sementara itu, Noh meluahkan rasa syukur kerana proses kelahiran anak mereka berjalan lancar dan disambut dengan doa, pelukan serta sorakan ahli keluarga dan sahabat yang dekat.

Selain mereka, antara artis yang menimang cahaya mata pada tahun 2025 termasuklah Jihan Muse, Fizo Omar dan isteri yang menimang cahaya mata ketiga serta Ayie Floor 88 dan isteri yang menimang cahaya mata kedua.

Tahniah diucapkan buat selebriti yang mendirikan rumah tangga serta selebriti yang menimang cahaya mata pada tahun ini.

Semoga perkahwinan kesemua selebriti berkekalan hingga ke akhir hayat dan semoga anak-anak mereka dapat membesar dengan sihat. - Amirul Ilyasha



Trend Jamilah, Fenomena BASS & 'Perang' Jofliam, Cik Epal & Dewi Antara Topik Viral Tahun Ini

Media sosial tahun ini dibanjiri dengan pelbagai kisah tular atau trending yang 'meletup'.

Nama-nama seperti Que Haidar, fenomena #BASS melibatkan Bella Astillah dan Syed Saddiq, populariti spontan Ammar Ahyan serta kemelut hubungan antara Jofliam, Cik Epal dan Dewi antara topik hangat netizen.

Jom imbas semula antara topik viral sepanjang tahun ini.

#Penangan Que Haidar & Trend Jamilah

Trend Jamilah mula tular selepas Que Haidar memuat naik video dirinya yang kini berbadan sado, sedang 'miming' lagu tersebut sambil berbaring di atas katil. Bagaimanapun kata Que, video berkenaan sebenarnya dirakam secara spontan ketika dirinya sedang mengantuk dan ingin tidur.

#Fenomena BASS

Hubungan akrab antara Bella Astillah dan YB Syed Saddiq mula menjadi perhatian ramai selepas mereka digandingkan sebagai duta bagi satu jenama baju raya tempatan pada tahun ini. Disebabkan itu juga, timbulnya hashtag #BASS untuk pasangan kesayangan netizen ini.

#Ammar Ahyan makin popular

Anak sulung Datuk Seri Aliff Syukri, Ammar Ahyan ini dikenali sebagai remaja yang merendah diri dan tidak gemar menunjuk kemewahan. Ammar atau Ammayan ini mula tular kerana gelagatnya bersahaja semasa membuat 'live' di TikTok bersama bapanya.

#Sumud Flotilla

Malaysia dikejutkan dengan berita penahanan sukarelawan Sumud Flotilla termasuk selebriti yang mengikuti misi tersebut iaitu Ardell Aryana, Zizi Kirana, Heliza, Hazwani Helmi oleh rejim Zionis. Lebih teruk lagi, mereka juga turut menjadi mangsa kekejaman Israel.

#Paranormal Lucu Roslan Shah

Gelagat Roslan Shah ketika melakukan aktiviti paranormal iaitu Night Walk menjadi perhatian netizen. Program Night Walk ini tular bukan disebabkan hantu sebaliknya reaksi spontan Roslan Shah bersama tetamu jemputan ketika berdepan situasi seram.

#Kemelut antara Jofliam, Cik Epal & Dewi

Dewi atau Emira Delyati Dewi didakwa sebagai individu yang menjadi punca perpisahan antara Jofliam dan bekas isterinya, Cik Epal.

Situasi menjadi tegang apabila Jofliam kemudian mengaku menjalin hubungan cinta dengan Dewi dan pasangan ini kemudiannya selamat berkahwin pada awal April



Duka Rakyat, Gemilang Seni! Imbas Kembali Indonesia Sepanjang 2025

Tahun 2025 menyaksikan Indonesia berdepan pelbagai peristiwa besar yang menguji emosi rakyat, daripada krisis politik dan bencana alam sehinggalah kejayaan dalam seni serta hiburan.

Antara insiden paling mengejutkan ialah kemarahan rakyat terhadap kenaikan elaun wakil DPR yang mencetuskan demonstrasi besar. Ahli politik Ahmad Sahroni menjadi sasaran selepas melabel rakyat sebagai "tolol", sehingga kediamannya dijarah dan akhirnya dirobohkan.

Dalam dunia hiburan, filem animasi Jumbo mencipta sejarah sebagai filem terlaris sepanjang zaman Indonesia dengan 10.2 juta penonton, manakala Agak Laen: Menyala Pantiku! turut mencuri perhatian termasuk di Malaysia. Penyanyi Kris Dayanti pula mengharumkan nama negara apabila menjuarai Kejohanan Dunia Kungfu, sementara Baskara Putri mencatat kejayaan besar di AMI Awards 2025 dan Spotify Wrapped.

Namun, penghujung tahun dibayangi tragedi apabila banjir bandang dan tanah runtuh melanda beberapa wilayah di Sumatra, menyebabkan ribuan rakyat kehilangan tempat tinggal. Dunia hiburan juga berduka dengan pemergian penyanyi legenda Emilia Contessa dan pelakon Gary Ishak.

Di sebalik duka, ada khabar gembira apabila Al Ghazali dan Alyssa Daguisé mendirikan rumah tangga pada Jun 2025 dan kini menantikan kelahiran cahaya mata perempuan, menutup tahun penuh kontras antara kesedihan dan harapan. - MALIAH SURIP





Cinta, Skandal & Fenomena Tular Yang Menggegar Dunia

2025 menyaksikan tahun penuh fenomena global yang mencuri perhatian dunia, daripada kisah cinta selebriti, tragedi, skandal hiburan hingga trend budaya pop yang mencetus perbualan global.

Antara momen paling manis ialah perkahwinan Kim Woo Bin dan Shin Min A selepas sedekad bersama, serta pertunangan Taylor Swift dan Travis Kelce yang diumumkan dengan cara santai di media sosial. Selena Gomez juga menutup tahun 2025 dengan perkahwinan intim bersama Benny Blanco.

Namun 2025 turut diselubungi kontroversi dan tragedi. Skandal Miss Universe 2025 mencetus kecaman antarabangsa sebelum wakil Mexico dinobatkan juara. Rakaman 'kiss cam' Coldplay pula membongkar hubungan terlarang dua eksekutif korporat sehingga membawa kepada peletakan jawatan dan perceraian. Dunia hiburan Asia turut berduka dengan pemergian Barbie Hsu akibat pneumonia.

Dalam masa sama, Katy Perry mencuri tumpuan apabila menyertai misi angkasa lepas Blue Origin, meskipun keaslian misi itu dipersoalkan. Ariana Grande pula berdepan insiden keselamatan apabila diserang peminat ketika acara tayangan perdana filem di Singapura.

Di luar hiburan, budaya pop 2025 turut dipengaruhi fenomena viral seperti perkataan "6-7" yang diiktiraf sebagai Word of the Year, serta kegilaan global terhadap patung Labubu yang menjadi simbol koleksi mewah dan gaya hidup selebriti. - MALIAH SURIP

GEMPAK WRAPPED 2025





Pengarah: Abdul Razak Mohaideen

Pelakon: Anna Jobling, Maya Karin, Saiful Apek, Yasmin Hani, Ayie Elham

Genre: Komedi/Fantasi/Romantik

Puteri Duyung kembali meminta pertolongan daripada Jimmy untuk menyelamatkan anaknya, Aurora, selepas ditangkap oleh kumpulan pukat tunda haram dan dilelong kepada seorang saintis bernama Dr Evo. Misi penyelamatan itu turut disertai oleh Hamlau, seorang pahlawan duyung yang juga abang kepada Aurora, serta Dashmond, anak kepada Jimmy dan Aspalela.



Pengarah: James Cameron

Pelakon: Sam Worthington, Zoe Saldana, Stephen Lang, CCH Pounder

Genre: Aksi/Fantasi

Avatar: Fire and Ash (2025) mengisahkan perjuangan keluarga Jake Sully dan Neytiri yang berduka atas kematian anak mereka, Neteyam, sambil berhadapan dengan ancaman baru daripada Suku Abu (Ash People) yang agresif dan kejam. Dipimpin oleh Varang, suku ini menggunakan api untuk memusnahkan Pandora, memaksa Jake mempertahankan keluarganya dan klan Metkayina dalam konflik yang lebih gelap.



Pengarah: Iko Uwais

Pelakon: Iko Uwais, Aufa Assagaf, Jimmy Kobogau, Yasamin Jasem

Genre: Aksi/Perang

Seorang tentera bernama Timur mengetuai sebuah pasukan penyelamat dalam misi berbahaya untuk menyelamatkan sekumpulan penyelidik yang diculik di dalam hutan. Terperangkap di suatu kawasan berisiko tinggi, mereka mesti menghadapi bentuk muka bumi yang tidak rata, tekanan masa dan bahaya yang tidak dijangka.

Peluk, Alangkah & Sandra Hanayu Dominasi Carta Minggu Ini!

Carta Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini menyaksikan lagu 'Lebih Indah Berpisah' oleh Bella Astillah dan Ade Govinda melonjak ke tempat pertama, diikuti Misha Omar melalui Break.



Arena kreator digital pula dikuasai nama besar seperti Che Sayang Kitchen dalam kategori Foodie, adik-beradik Johan dan Mikail Ghazali dalam kategori Sukan, serta Cuna yang terus mendahului dalam kategori Beauty & Fashion.

Untuk muzik video, P. Ramlee dan Saloma dari ALPHA meraih kedudukan No. 1. Di layar drama, Hilang Dalam Rindu pula memonopoli tontonan dan selebriti trending pula masih dipimpin oleh Tracie Sinidol.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Lagu Trending

1. Peluk - Hael Husaini & Nadeera
2. Arah Cinta Sejati - Fadhilah Intan & Aina Abdul
3. Menamakanmu Cinta - Dato' Sri Siti Nurhaliza, Ade Govinda
4. Break - Misha Omar
5. Lebih Indah Berpisah - Bella Astillah & Ade Govinda

TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)

1. Ms Neo
2. Syiqin Azrin
3. Tee Food
4. Che Sayang Kitchen
5. Mira Burger

TOP 5 Digital Creator Trending (Education & Motivation)

1. Fatin Nabila
2. Dr Hanif Arshad
3. Harith Reazal
4. Reina Lum
5. Nazri Hamdan

TOP 5 Digital Creator Trending (Beauty & Fashion)

1. Sandra Hanayu
2. Allysha
3. Maxximus Towle
4. Cuna
5. Eima Safuan



Selepas Jerman & India, 'Bad Cop' Kini 'Tiba' Di Malaysia! Diadaptasi Untuk Siri Premium Astro Originals

Selepas fenomena Generasi : Perfect 10, Astro Originals mempersembahkan sebuah lagi siri premium terbaru, Bad Cop.

Bad Cop merupakan adaptasi daripada siri jenayah popular Jerman pada tahun 2017 dan siri asal ini turut mencapai kejayaan antarabangsa apabila diadaptasi produksi India pada tahun 2024.

Siri terbitan Astro Shaw ini diterajui showrunner Kavivarmen Vigneswaran, dan diarahkan Jason Chong yang membawa sentuhan visual dan penceritaan premium yang menjadi identiti Astro Original.

Bagi versi Malaysia, Bad Cop diterajui oleh pelakon Aiman Hakim yang pertama kali membawa dua watak berbeza iaitu protagonis dan antagonis, sekali gus menguji versatiliti dalam lakonannya.

Siri ini turut menampilkan bakat-bakat terkenal daripada pelbagai latar, seperti Siti Saleha, Harvinth Skin, Razib Salimin, Tony Eusoff, Whulandary Herman, Melissa Campbell dan Alvin Wong.

Siri terbitan Astro Shaw ini diterajui showrunner Kavivarmen Vigneswaran, dan diarahkan Jason Chong yang membawa sentuhan visual dan penceritaan premium yang menjadi identiti Astro Originals.

Bad Cop membawa pendekatan case-of-the-week, di mana kesemua lapan episod memaparkan kes baharu serta isu sosial tersendiri, antaranya penipuan identiti, marginalisasi komuniti luar bandar, tekanan sosial lelaki moden dan penderaan rumah tangga.

Bad Cop ditayangkan setiap Jumaat, di OnDemand dan juga di sooka, jam 12 malam.

Penonton juga boleh menyaksikan Bad Cop di Astro Citra (Saluran 108) pada setiap Jumaat, jam 9 malam, serta di Astro Ria (Saluran 104) pada setiap Sabtu, jam 10.30 malam.




Beri Kesan Mendalam, 4,000 Peminat Jadi Saksi Kehebatan Tiga Suara Rizky Febian, Fabio Asher & Anggi Marito

Kira-kira 4,000 peminat menjadi saksi gandingan hebat tiga vokal terkenal Indonesia iaitu Rizky Febian, Fabio Asher dan Anggi Marito menerusi Konsert Malam 3 Suara pada 14 Disember lalu.

'Malam 3 Suara' bukan sekadar sebuah konsert, sebaliknya sebuah naratif muzik yang menyatukan tiga identiti vokal berbeza dalam satu malam istimewa.

Menurut wakil penganjur, kejayaan konsert ini membuktikan bahawa muzik yang jujur dan berjiwa mampu merentasi sempadan serta menghubungkan emosi antara artis dan penonton.

"Sambutan luar biasa daripada 4,000 penonton malam ini amat bermakna buat kami. 'Malam 3 Suara' berjaya mencapai matlamatnya sebagai sebuah konsert yang bukan sahaja menghiburkan, malah membelai jiwa dan meninggalkan kenangan indah," ujar wakil penganjur.



NUSAFEST: Gabungan Nidji X Bunkface Memang Luar Biasa!

Buat pertama kali dua kumpulan iaitu Bunkface dan Nidji disatukan di atas pentas yang sama menerusi konsert Nusafest Nidji X Bunkface yang berlangsung di Zepp Kuala Lumpur pada Ahad lalu.

Lagu Malam Ini Kita Punya sebagai pembuka pentas dan Bunkface berterusan memberi persembahan bertenaga menerusi lagu Rentak Laguku, Prom Queen dan High School + Silly Lily.

Selama lebih sejam, Bunkface menghiburkan peminat yang hadir dengan koleksi lagu hit antaranya Soldier, Hilang, Extravaganza, Dunia, Darah Muda, Korang dan Panik.

Kemudian, pentas kembali rancak apabila Nidji memulakan persembahan dengan menyanyikan lagu hit mereka iaitu Laskar Pelangi dan diteruskan dengan Disco Lazy.

Persembahan diteruskan dengan lagu Manusia Sempurna, Sudah, Kisah Kasihku, Wadoow, Zayang-Zayang, Bolehlah Ku Berharap, Teman Sejati, Bila Aku Jatuh Cinta, Rahasia Hati, Shadow, Biarlah dan Sumpah & Cinta Matiku.

Bagi penutup persembahan, seperti biasa Nidji membawa lagu Hapus Aku yang sudah semestinya membuatkan peminat turut serta menyanyi.



Konsert Exists Premium Live @ PJ: Ezad Lazim Tetap Bersemangat Walau Sakit, Bikin Lebih 1,000 Penonton 'Sing Along' Bersama

Konsert Exist Premium yang diadakan secara langsung di JioSpace, Petaling Jaya, Sabtu lalu mencipta satu lagi sejarah apabila dihadiri lebih 1,000 peminat.

Meskipun dikatakan kurang sihat namun, itu sama sekali tidak merencatkan vokal serta persembahan vokalis Exists iaitu Ezad Lazim untuk menyampaikan 21 buah lagu pada malam tersebut. Malah, Ezad turut turun menyapa serta bernyanyi bersama peminat sekaligus menunjukkan 'showmansip'nya sebagai seorang penyanyi.

Ujar Ajai selaku pemain keyboard, Ezad tetap bersemangat melawan rasa sakit untuk membuat persembahan demi peminat yang hadir.

"Sebenarnya Ezad tak sihat malam ini (Sabtu). Tapi bila melihat kalian (penonton), dia lawan rasa sakit dan bersemangat buat persembahan," kata Ajai ketika persembahan.

Antara lagu yang disampaikan Exists termasuklah Alasanmu, Mengintai Dari Tirai Kamar, Janji Padamu dan banyak lagi.

Bukan itu sahaja, mereka turut menyampaikan beberapa buah lagu yang jarang dibawa iaitu Menantikan Saat Termampu dan Kau Lebih Dari Kejora. Lebih manis, cabutan bertuah juga dilakukan pada malam tersebut dengan beberapa penonton bertuah mendapat hadiah berupa gitar peribadi milik gitaris Exists iaitu Along, serta satu set dram. - AMIRUL ILYASHA



Masih Ada Tempat Di Hati Peminat, Konsert UNIC Bukti Nasyid Masih Diminati

Selepas dua dekad mengabdikan diri dalam dunia muzik, kumpulan nasyid kotemporari, UNIC berjaya mementaskan konsert solo pertama mereka menerusi This Is UNIC: Live In Concert. Membuka tirai dengan lagu Hanyut, UNIC berjaya membawa penonton menyelami perjalanan seni mereka yang panjang dan penuh warna.

Lebih menarik, peminat yang hadir juga dilihat sangat teruja malah ikut sama-sama menyanyi dengan kumpulan yang dianggotai oleh Bazli Hazwan, Dr. Fitri Haris, dan Fakhru Radhi. Menurut Bazli Hazwan, dia sangat teruja sepanjang konsert apabila melihat aksi penonton yang hadir menyanyi dan menghidupkan suasana pada malam itu.

"Apabila kami menyanyikan lagu-lagu lama seperti Balqis dan Remaja, kami seakan kembali ke titik awal perjalanan UNIC.

"Melihat penonton menyanyi bersama membuktikan lagu-lagu ini masih hidup dan bermakna hingga hari ini," katanya.

Bukan sahaja menyanyi, malah aliran konsert kemudiannya membawa penonton ke segmen lebih tenang dan reflektif menerusi lagu-lagu seperti Hakikat Bahagia, Doa Dhuha, Anak Soleh, Jom Solat dan Qunut Nazilah. Konsert ini turut dimeriahkan dengan penampilan istimewa Naufal Isa dan Nizam Laksamana yang berkongsi pentas bersama UNIC dalam segmen khas.

Berlangsung selama 2 jam 30 minit, penonton dipersembahkan dengan lagu-lagu popular UNIC antaranya, Sekolahku, Hakikat Bahagia, Jalinan, Sebuah Pertemuan, Hanyut, Balqis, Mahligai Kasih dan Ainul Madhiah



Financial Faiz
@financialfaiz ✓

Lebih 45% Pasangan Muda Terjerat Hutang Lepas Kahwin, Ini Puncanya

Di Malaysia, ramai pasangan muda yang 'terjerat' dengan hutang selepas melangkah ke alam perkahwinan hanya kerana mahu mengadakan majlis kahwin yang kelihatan mewah dan 'grand'.

Menurut pendidik kewangan, Faiz Azmi terdapat pasangan yang sanggup membuat pinjaman peribadi dan menggunakan kad kredit semata-mata untuk menampung kos majlis perkahwinan.

"Secara realiti, dekat Malaysia memang wujud pasangan yang pinjam duit daripada bank, buat personal loan semata-mata sebab nak buat majlis kahwin yang grand.

"Lebih daripada 45% daripada pasangan muda terjerat hutang selepas kahwin dan salah satu punca besar dia adalah pinjaman untuk majlis perkahwinan. Bukannya dia buat pinjaman tu sebab nak buat rumah. Bukannya sebab dia nak beli kereta yang lebih selesa untuk keluarga dia tapi sebab semata-mata nak jadi raja sehari," katanya.

Tambahnya, fenomena ini berlaku bukan kerana keperluan mendesak tetapi disebabkan tekanan sosial termasuk tekanan keluarga, rasa tidak mahu kalah dengan saudara-mara, rakan-rakan serta keinginan untuk mengadakan majlis yang dianggap 'wedding of the year'.

Hakikatnya, kata Faiz selepas majlis selesai, apa yang tinggal hanyalah pasangan itu sendiri dan beban hutang yang perlu ditanggung selama bertahun-tahun.

"Kenapa benda-benda macam ni boleh jadi? Ia disebabkan tekanan sosial yang berlaku disekiling mereka.

"Secara hakikatnya, habis je majlis tu yang tinggal cuma you, pasangan you dan yang paling besarlah yang akan kekal dengan you for the next 5, 6, 7, 10 years adalah hutang personal loan you itu.

"Kahwin ni adalah ibadah. Syarat sah nikah ada 5. Benda ni setiap video ada ulang-ulang-ulang banyak-banyak kali, pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali, saksi, hijab dan kabul. Tak ada pun dalam satu daripada 5 syarat sah nikah ni yang cakap kena buat majlis kahwin yang besar-besar," tambahnya.


Faiz juga menegaskan bahawa ilmu berkaitan perkahwinan sebenarnya telah diajar sejak di bangku sekolah dan diulang semula menerusi kursus pra-perkahwinan, namun masih ada yang memilih untuk mengabaikannya demi memenuhi ekspektasi orang lain. Mengakhiri perkongsian, Faiz mengajak orang ramai untuk bermuhasabah dan berkongsi pengalaman agar ia menjadi pengajaran kepada pasangan lain supaya tidak memulakan alam rumah tangga dengan beban hutang yang tidak perlu.

Simple Tips To Beat The Flu While Travelling

During flu season, especially when travelling at year end, staying healthy requires extra care and simple preventive habits.

Regular handwashing and carrying hand sanitiser help reduce exposure to germs, while wearing a mask in crowded places such as airports and public transport can lower the risk of infection. Getting enough sleep, staying well hydrated, and eating balanced, nutritious meals are important to keep the immune system strong.

Travellers are also encouraged to clean frequently used personal items, take vitamins or supplements if needed, and pay attention to early signs of fatigue or illness by resting promptly.




PM Anwar Unveils New Cabinet Lineup

Prime Minister Anwar Ibrahim unveiled a refreshed MADANI Government Cabinet lineup to fill several vacancies and improve teamwork, coordination, and policy delivery, especially on economic growth and people's issues.

The reshuffle addresses four vacant ministries and includes new appointments and portfolio changes, such as Akmal Nasrullah Mohd Nasir as Minister of Economy, Datuk Seri Johari Abdul Ghani as Minister of Investment, Trade and Industry, Steven Sim as Minister of Entrepreneur Development and Cooperatives, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup as Minister of Natural Resources and Environmental Sustainability and new roles for Hannah Yeoh, Datuk Mustapha Sakmud, Dr Zulkifli Hasan, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, R. Ramanan, and Liew Chin Tong as deputy finance minister among others, with a total of about 28 ministers and deputy ministers named in the reshuffle.

The aim is to strengthen governance, enhance policy implementation, and ensure the Cabinet works cohesively as one team.



Kita RunFest 2025 Brings Community Together

Astro's Kita RunFest 2025 at Serenia City, Sepang brought thousands together on 6 December for a family-friendly run promoting fitness, community, and sustainability. With over 2,400 runners, 6,800 visitors, eco-friendly activities, local vendors, and performances, the event also supported Astro's Rimba Kita initiative to raise awareness on conservation and environmental care.